KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	20.09.22	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	PERHILITAN			

PEMANCING HILANG DI SUNGAI

Rakan nampak mangsa disambar di Kampung Buaya

Bintulu: Seorang lelaki warga Indonesia hilang di Sungai Semba dekat kawasan Taman Perindustrian Samalaju di Jalan Pesisir Pantai Bintulu-Miri di sini, kelmarin dipercayai disambar buaya.

Ketika kejadian, dia dikatakan sedang memancing di sungai berkenaan yang dikenali sebagai lubuk buaya dengan penduduk setempat menggelarnya Kampung Buaya.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Samalaju, Hashim Norshidi berkata, pihaknya menerima panggilan memaklumkan kejadian itu pada jam 10.20 malam kelmarin dengan mangsa dikenali Hermanto, 40.

"Sepasukan anggota hadir ke lokasi untuk pemantauan dan pencarian awal sejurus panggilan, namun gagal menemuinya, serta ditangguhkan.

"Operasi mencari dan menyelamat (SAR) bersambung semula 8 pagi ini (semalam) menyasarkan kawasan pencarian sehingga satu kilometer di hulu dan hilir sungai selain permukaan," katanya, semalam.

Menurutnya, rakan mangsa berusia 27 tahun memaklumkan ketika kejadian, dia melihat mangsa disambar buaya dan dibawa masuk ke dalam air sebelum hilang.

Difahamkan mangsa memakai baju lengan panjang berwarna kelabu dan seluar jeans ketika itu.

"Sebarang perkembangan berhubung usaha pencarian ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa," katanya.



ANGGOTA bomba memulakan usaha pencarian mangsa di Jalan Pesisir Pantai Bintulu-Miri.

HM200922_5